

BERITA

ASPIRASI TUARAN

MENARIK DI DALAM ▼

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)



Pusat MyCyber
Komuniti@Sabah
dan Program
CyberSAFE



Menerapkan
Pemikiran Saintifik
Dari Awal
Pembelajaran



IComm Realisasikan
Tuaran Sebagai
Bandar Pintar



12 - 14 Mei 2017

Dewan Sri Sulaman/Padang Tuaran

Karnival STI Tuaran

Usaha berterusan bagi menyemarakkan budaya Sains, Teknologi dan Inovasi dipergiat dengan penganjuran Karnival STI Tuaran yang berlangsung pada 12-14 Mei 2017.

Karnival ini melibatkan pelbagai aktiviti yang merangkumi pameran, *Edu-tainment*, *Talent Show*, bengkel dan pertandingan.

"Adalah menjadi tanggungjawab MOSTI untuk membudayakan sains dalam masyarakat dan menukar pandangan orang ramai kepada "sains itu mudah" serta menjadikan sains sebagai sebahagian daripada kehidupan kita. MOSTI juga mempunyai peranan yang penting dalam merangka kemajuan kerjaya berteraskan STI sebagai motivasi generasi akan datang untuk memilih jurusan bidang berkaitan Science, Technology, Engineering & Mathematics atau STEM", kata YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau yang akan merasmikan karnival berkenaan pada 12 Mei nanti.

Objektif Karnival

- Menyemarakkan serta membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di kalangan rakyat Malaysia ke arah penghasilan kekayaan, penjanaan ilmu dan kesejahteraan rakyat;
- Membudayakan dan mengamalkan inovasi di segenap lapisan masyarakat serta penglibatan semua sektor;
- Menarik minat serta menggalakkan para pelajar mengambil jurusan sains dan teknologi.

“ Adalah menjadi tanggungjawab MOSTI untuk membudayakan sains dalam masyarakat dan menukar pandangan orang ramai kepada "sains itu mudah" serta menjadikan sains sebagai sebahagian daripada kehidupan kita. MOSTI juga mempunyai peranan yang penting dalam merangka kemajuan kerjaya berteraskan STI sebagai motivasi generasi akan datang untuk memilih jurusan bidang berkaitan Science, Technology, Engineering & Mathematics atau STEM. **”**

- YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau

Teknologi Membran Bekal Air Bersih Terawat

Masing kira-kira 1,800 penduduk Kg. Rumindako Kiulu untuk mendapatkan bekalan air bersih telah berakhir apabila projek bekalan air bersih yang sudah dirawat menggunakan teknologi membran diperkenalkan di kampung tersebut.

Projek yang dibiayai di bawah Program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) ini merupakan usaha sama antara Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), agensi di bawah MOSTI dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Objektif utama projek ini ialah membantu memenuhi keperluan komuniti serta menyelesaikan permasalahan yang dihadapi di samping meningkatkan kesejahteraan hidup mereka melalui hasil inovasi menggunakan teknologi sedia ada.

Teknologi membran portable drinking water filtration system berjenama 'Pahlawan Tuah2000' yang digunakan dalam projek ini telah dibangunkan oleh Membrane Technology Sdn. Bhd. (MTSB), sebuah syarikat penerima Dana Pengkomersilan Hasil Penyelidikan & Pembangunan (CRDF) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sistem Pahlawan Tuah2000 mempunyai kapasiti untuk menghasilkan 2,000 liter/jam air bersih iaitu bersamaan keperluan harian 200 isi rumah dan direka secara mesra pengguna dan mudah dikendalikan.

“ Program MSI diperkenalkan dengan matlamat untuk membantu masyarakat dan komuniti memenuhi keperluan dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Di samping itu, ia juga merupakan inisiatif kerajaan dalam menggalakkan budaya inovasi di kalangan rakyat dan menyampaikan hasil inovasi kembali kepada rakyat. **”**

- YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau



Bagi meningkatkan kelangsungan penggunaan Pahlawan Tuah2000, Komuniti Kg. Rumindako Kiulu diberi latihan pengendalian dan penjagaan sistem penapisan air berteknologi tinggi ini. Selain itu, mereka juga turut didekah dengan cara-cara menjana ekonomi setempat secara berterusan melalui hasil aplikasi sistem Pahlawan Tuah2000.

Majlis penyerahan projek telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 23 Januari yang lalu dengan dihadiri oleh wakil-wakil MTDC, MTSB, UTM serta komuniti Kg. Rumindako Kiulu.

Dalam ucapan perasmianya, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata "Program MSI diperkenalkan

dengan matlamat untuk membantu masyarakat dan komuniti memenuhi keperluan dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Di samping itu, ia juga merupakan inisiatif kerajaan dalam menggalakkan budaya inovasi di kalangan rakyat dan menyampaikan hasil inovasi kembali kepada rakyat."



TINTA KATA YB MENTERI SAINS



28 Julai 2015 merupakan titik tolak kepada perubahan besar dalam hidup saya. Apabila saya diumumkan sebagai Menteri Persekutuan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, Perkara pertama yang saya lakukan adalah bertemu dengan YAB Perdana Menteri bagi mendapatkan panduan mengenai harapan beliau terhadap saya dan kementerian. YAB Perdana Menteri menyatakan bahawa walaupun negara kita berada dalam dekad inovasi iaitu dari 2010 ke 2020, namun yang paling penting sekali ialah inovasi itu bukanlah dimonopoli oleh golongan penyelidik, profesor maupun pengkaji-pengkaji makmal semata-mata.

Perdana Menteri menyatakan hasratnya yang mahu melihat proses inovasi itu melibatkan seluruh rakyat atau sesiapa sahaja. Perdana Menteri juga memberitahu bahawa sejarah telah membuktikan kebanyakan inovasi ataupun ciptaan-ciptaan baru datangnya daripada orang biasa.

Merakyatkan Inovasi

Mengambil iktibar daripada harapan dan panduan YAB Perdana Menteri, maka saya memberitahu beliau bahawa saya turut mempunyai pandangan yang sama. Pendekatan yang saya ambil pada peringkat permulaan adalah memperkasakan komunikasi di peringkat akar umbi. Maka kita mengilhamkan satu tema iaitu ‘Merakyatkan Inovasi’.

Apabila kita mengatakan untuk merakyatkan inovasi bermakna kita mahu rakyat terlibat secara langsung dalam proses inovasi supaya mereka dapat merasakan bahawa kerajaan menghargai segala cetusan idea daripada mereka.

Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Sepanjang tempoh memegang jawatan di kementerian ini, saya telah berusaha sebaik baik untuk merealisasikan hasrat kepimpinan saya. Saya berhasrat untuk meningkatkan penyertaan pelajar yang mengambil bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan untuk tujuan berkenaan, melalui Majlis Sains Negara, 1,800 makmal sains telah dinaikkan taraf dengan peruntukan sebanyak RM 570 juta dan kelulusan tersebut telah diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Bajet 2017.

Selain itu juga, Pusat Pembelajaran STEM Kebangsaan bakal direalisasikan untuk melatih guru-guru sains kita. Hasrat saya dalam meningkatkan penyertaan pelajar dalam STEM ini merupakan misi jangka panjang saya atau ‘a long term plan’ untuk memupuk pembangunan modal insan yang dikatakan ‘by design and not by chance.’

Pusat Sains Negara (PSN) Cawangan Sabah

Saya juga telah mengumumkan bahawa Pusat Sains Negara (PSN) akan dibina di kawasan seluas kira-kira lapan hektar di Kampung Laya-Laya, Tuaran, Sabah. Pusat ini bakal dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk menarik minat orang ramai dalam bidang sains dan teknologi.

Stesen Satelit Bumi Kedua

Saya juga telah mengambil inisiatif membina stesen satelit bumi kedua negara di daerah Tuaran dengan nilai RM27.5 juta. Stesen satelit bumi ini bakal dibina di atas tanah seluas 2.9 hektar dan berperanan sebagai pusat kawalan dan perhubungan sistem satelit yang mengorbit bumi di ruang angkasa.

MOSTI Social Innovation (MSI)

MOSTI juga telah mengambil inisiatif menyediakan satu dana khusus yang dinamakan *MOSTI Social Innovation (MSI)* khusus untuk membantu mengatasi masalah masyarakat peringkat akar umbi dan meningkatkan kesejahteraan hidup dengan menggunakan teknologi sedia ada. Antara projek yang telah direalisasikan khusus untuk masyarakat Tuaran ialah bekalan air terawat dengan menggunakan teknologi membran, Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks, Pusat MyCyber Komuniti, Duta Sains Tuaran, Projek Tisu Kultur Bio@Community dan IComm Tuaran.

Kaamatan Asas Perpaduan/‘Kaamatan Impowon Pisompuruan’

Sebelum saya mengakhiri bicara saya di sini, suka saya mengambil kesempatan untuk menyentuh serba sedikit berkaitan dengan Pesta Kaamatan iaitu satu perayaan yang amat penting bagi masyarakat Kadazan Dusun yang dirayakan sepanjang bulan Mei ini.

Tema ‘Kaamatan Asas Perpaduan’ atau dalam bahasa Kadazan Dusun ‘Kaamatan Impowon Pisompuruan’ dipilih kerana ia dilihat bersesuaian dengan peranan perayaan itu sendiri yang dianggap sebagai saluran untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Sabah.

Perayaan ini yang berkemuncak pada penghujung bulan Mei nanti adalah elemen pemangkin kepada pengembangan industri pelancongan di Negeri Sabah. Keunikan pelbagai kaum dan etnik merayakan secara bersama perayaan-perayaan penting perlu ditonjolkan kepada para pelancong agar mereka sama-sama dapat melihat bahawa rakyat Sabah secara khususnya dan rakyat Malaysia amnya merupakan sebuah masyarakat majmuk yang sangat unik kerana walaupun kita berbeza agama, bangsa, kaum dan warna kulit, tapi kita mampu hidup bersama dalam sebuah negara yang aman makmur.

Penutup

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua rakyat Malaysia secara amnya dan rakyat Sabah secara khususnya agar menyokong hasrat murni kementerian saya untuk membolehkan STI menjadi asas kepada pembangunan ekonomi masa depan. Saya mengharapkan agar negara yang kita cintai ini dapat kita tinggalkan kepada anak cucu kita dengan ciri-ciri pembangunan yang lestari, ekonomi makmur berlandaskan sains dan teknologi dan komuniti pintar menjelang 2050.

Sempena Perayaan Tadau Kaamatan 2017 saya mengucapkan ‘Kotobian Tadau Tagayo do Kaamatan’.

Dari **Tuaran** Ke **Putrajaya**

Kenali YB Kita

Siapa menduga anak kelahiran Kampung Lokos Tamparuli ini berjaya bergelar seorang Menteri penuh di Putrajaya!!! betullah kata orang, “tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu”. Kepayahan hidup di kawasan pedalaman tidak dijadikan alasan oleh Madius Tangau untuk berusaha keluar dari kepompong kemiskinan.

Sejak zaman kanak-kanak, Madius sedar bahawa satu-satunya peluang untuk beliau mengubah nasib kehidupannya adalah melalui pelajaran. Jadi tidak hairanlah jika anak desa ini mampu muncul sebagai pelajar cemerlang dalam setiap peperiksaan yang dilaluinya sehingga akhirnya berjaya muncul sebagai seorang tokoh yang disegani.

Pendidikan

Madius mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Lokos, Kiulu. Di sekolah ini, beliau mula memamerkan ciri-ciri seorang anak cemerlang apabila muncul sebagai pelajar terbaik sekolah berkenaan dalam peperiksaan darjah enam.

Kecemerlangan beliau diteruskan apabila beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Ranau hasil pembiayaan Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah. Peluang melanjutkan pelajaran itu tidak disia-siakan olehnya apabila beliau muncul sebagai pelajar cemerlang Sijil Rendah Pelajaran (LCE) dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke tingkatan empat di Sekolah Tinggi Setapak, Kuala Lumpur pada tahun 1975.





YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau sewaktu zaman persekolahnnya di Sekolah Menengah Sains Selangor (SMS)



Beliau menduduki Peperiksaan Tingkatan Lima pada tahun 1976 dan lulus Malaysian Certificate of Education (MCE) dengan Gred Satu. Kecemerlangan dalam bidang pendidikan mendorong beliau untuk meneruskan pengajian ke tingkatan enam di Sekolah Menengah Sains Selangor (SMS) yang merupakan sekolah Berasrama Penuh Kerajaan.

Ranjau Berduri

Jika disorot rentetan pendidikan yang dilalui oleh Madius, tidak siapa dapat menduga keperitan yang terpaksa diharunginya untuk menggapai kejayaan demi kejayaan. Tidak siapa tahu bahawa untuk melakar kejayaan dalam hidupnya, Madius Tangau hampir-hampir kecundang dek dihimpit arus kemiskinan.

Keluarganya tidak mampu membiayai pengajiannya di peringkat menengah. Bagi membolehkan beliau melanjutkan pengajian di peringkat LCE, beliau terpaksa bekerja secara sambilan di ladang-ladang dan di kedai-kedai sekitar pekan Kiulu bagi menampung pengajiannya sendiri. Beliau juga biasa berjalan berhari-hari untuk sampai ke sekolah, membina pondok sendiri berdekatan dengan sekolah, malah memasak sendiri makanan harianya akibat berjauhan dengan keluarga.

Berkat kecemerlangannya dalam pelajaran telah membolehkan beliau memperoleh Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah dan ekoran rezeki tersebut, beliau dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran tanpa perlu lagi bersusah payah bekerja secara sambilan.

Kepimpinan Awal

Sebagai seorang pelajar, kepimpinan Madius mula terserlah melalui penglibatan aktifnya dalam kegiatan ko-kurikulum. Beliau merupakan pendebat Piala Perdana Menteri bagi Kategori Bahasa Inggeris. Beliau juga telah dilantik sebagai Presiden Kelab Biologi,

Pengawas Perpustakaan dan dalam masa yang sama beliau juga merupakan ahli jawatankuasa dalam beberapa kelab yang lain.

Beliau berkesempatan menjadi Guru Sementara di SMK Tamparuli sewaktu menunggu keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sebelum melanjutkan pengajian di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dalam bidang Sarjana Muda Perhutanan pada tahun 1979.

Di UPM, Madius bergiat aktif dalam aktiviti pelajar. Beliau merupakan Presiden Persatuan Pelajar Katolik bagi tahun 1981 dan 1982. Sejak di UPM, beliau mula berjinak-jinak sebagai seorang pemerhati yang berminat dengan perkembangan politik di Sabah dan juga di peringkat kebangsaan.

Pada tahun 1989, beliau berpeluang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Pengurusan Pembangunan (MDM) di Asian Institute of Management (AIM), Manila, Filipina.

Kerjaya

Beliau mula membina kerjaya dengan menjawat jawatan sebagai Pegawai Penyelidik di Sabah Forestry Development Authority (SAFODA). Pada tahun 1985 hingga 1994 beliau merupakan Penyelidik Bersekutu di Institute for Development Studies (IDS) Sabah sebelum dilantik menjadi Pengarah Eksekutif di Institute for Indigenous Economic Progress (INDEP).

Politik

Madius merupakan Pemangku Presiden, UPKO bermula dari Mac 2014 sehingga kini. Jawatan hakiki beliau ialah Timbalan Presiden UPKO yang dipegangnya bermula Oktober 2013. Beliau juga merupakan Ketua Bahagian UPKO - Bahagian Tuaran (Oktober 2013 hingga kini). Sebelum itu beliau pernah dilantik sebagai Setiausaha Agong UPKO mulai 2002 dan Ketua Penerangan UPKO (2000-2002).

Penglibatan Madius dalam aktiviti berpersatuan mula terserlah apabila beliau dipilih menjadi ahli Jawatankuasa Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) pada tahun 1986 sehingga 1991. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung, persatuan tersebut sehingga tahun 1994.


Madius juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Bahagian - Bahagian Kiulu dan Timbalan Ketua Bahagian - UPKO Tuaran. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Akaun Awam (PAC) Parlimen ke-13 dan Ahli Jawatankuasa Kelab Penyokong Kerajaan Parlimen Malaysia selama dua penggal. Dalam masa yang sama, beliau juga merupakan Pengurus, Majlis Perundingan Koperasi Parlimen Tuaran.

Anugerah

Kecemerlangan dan sumbangan Madius Tangau kepada masyarakat telah melayakkan beliau menerima pelbagai anugerah. Bermula pada tahun 2003, beliau telah menerima Anugerah Jaksu Pendamai (JP) diikuti Anugerah Ahli Darjah Kinabalu (ADK) pada tahun 2004 daripada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah.

Beliau juga telah menerima anugerah Panglima Darjah Kinabalu daripada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah yang membawa gelaran Datuk pada tahun 2005. Pada tahun 2007, beliau telah dianugerahkan Pingat Johan Setia Mahkota (JSM) daripada Yang Dipertuan Agong.

Anugerah terkini yang diterima beliau ialah Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) oleh TYT Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Ariffin Zakaria pada 5 Oktober 2015 yang membawa gelaran Datuk Seri Panglima.



YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berpeluang bersalaman dengan Perdana Menteri India, Narendra Modi ketika mengiringi Perdana Menteri dalam rangka lawatan ke New Delhi April lalu.



Bersama Jack Ma CEO, Alibaba Group dalam World Economic Forum Annual Meeting Januari yang lalu.

Alat Persampelan Sendiri Cervisafe Bantu Kesan Kanser Serviks

Di Malaysia, kanser serviks merupakan kanser ketiga yang paling banyak dihadapi oleh kaum wanita. Peringkat awal kanser serviks dapat dirawati dengan berkesan dan penyakit ini juga dapat dihapuskan secara menyeluruh dengan pembedahan atau rawatan yang sesuai.

Berdasarkan kepada fakta tersebut, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), agensi di bawah MOSTI dengan kerjasama LaDIY Healthcare Sdn Bhd dan Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser, UPM (CaRE) telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks Bersama Alat Persampelan Sendiri, Cervisafe.

Program yang dijalankan di bawah inisiatif *MOSTI Social Innovation (MSI)* ini menyasarkan untuk membuat pensampelan ke atas 700 wanita yang layak di lapan buah negeri. Program ini berjaya menarik minat lebih 300 penduduk sekitar Tamparuli dan 100 daripada mereka telah layak menjalani ujian pensampelan sendiri.

Cervisafe merupakan kaedah alternatif yang sangat baik dalam memastikan semua golongan wanita dapat melakukan pemeriksaan awal kanser servik dengan lebih mudah dan cepat berbanding prosedur-prosedur yang sedia ada. Dengan terhasilnya ini, semua golongan wanita dapat menjaga kesihatan serviks



Alat pensampelan sendiri, Cervisafe yang dapat membantu wanita mengesan kanser serviks di peringkat awal



Perasmian Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks oleh Datin Seri Dr. Jaina Sintian (tiga dari kanan) dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Haji Yahaya, Ketua Setiausaha MOSTI (dua dari kiri)

mereka dengan lebih mudah dan ia juga diharapkan akan dapat mengurangkan kadar kematian akibat kanser ini kerana ia pastinya dapat dirawat sekiranya pengesanan awal dapat dibuat.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Isteri YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius tangau iaitu Datin Seri Dr. Jaina Sintian dan turut hadir ke majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Haji Yahaya, Ketua Setiausaha MOSTI.

LaDIY Healthcare Sdn. Bhd. adalah syarikat penerima dana CRDF MTDC dan syarikat mengkomersialkan kit persampelan sendiri, Cervisafe, bagi meningkatkan pengesanan awal kanser serviks di kalangan wanita di seluruh negara. Cervisafe membolehkan para wanita menjalankan sendiri prosedur persampelan di rumah dalam keadaan selesa.

Pusat MyCyber Komuniti@ Sabah dan Program CyberSAFE



Pada 10 dan 11 Februari 2017 telah berlangsung beberapa aktiviti di bawah inisiatif program CyberSAFE di Pekan Tamparuli. Aktiviti anjuran CyberSecurity Malaysia tersebut diadakan untuk komuniti setempat di daerah Tamparuli sempena Majlis Perasmian & Serah Milik Pusat MyCyber Komuniti@ Sabah di Tamparuli Point.

Antara aktiviti yang diadakan adalah Bengkel CyberParenting, Pertandingan CyberQuest serta Pameran Interaktif. Ke semua aktiviti ini telah berjaya menarik perhatian penduduk setempat dengan penyertaan yang amat menggalakkan.

Bengkel CyberParenting telah dihadiri oleh seramai 30 peserta terdiri dari kalangan ibubapa di sekitar daerah Tamparuli. Pengisian bengkel termasuk ceramah dan juga aktiviti 'hands-on'.

Sementara itu, pertandingan CyberSAFE Quest pula diadakan di sekitar Pekan Tamparuli telah melibatkan penyertaan seramai 50 pelajar dari empat buah sekolah menengah di daerah Tamparuli.

Pameran Interaktif pula diadakan di perkarangan Pusat MyCyber Komuniti@Sabah dan telah disertai oleh dua buah agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Jabatan Kimia Sabah. Selain itu, Koperasi Tokou Sabah Berhad (KOPTOKOU) turut menyertai pameran yang diadakan selama sehari ini.

Majlis Perasmian dan Serah Milik Pusat MyCyber Komuniti@Sabah telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains,

Teknologi dan Inovasi. Menurut YB Menteri dalam ucapannya, "Pusat ini dibina bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat agar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT). Ia sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam memperkasa pembangunan digital luar bandar agar rakyat dapat menikmati kemudahan prasarana digital selari dengan perkembangan arus teknologi masa kini serta berupaya merapatkan jurang digital."

"Selain agensi atau jabatan di bawah MOSTI, pusat ini juga boleh digunakan oleh agensi serta jabatan termasuk lain-lain Kementerian/jabatan bagi penganjuran pelbagai program serta aktiviti berkaitan keselamatan siber dan ICT, khususnya yang melibatkan masyarakat di daerah Tamparuli." katanya lagi.

Pada akhir acara perasmian, YB Menteri serta tetamu kehormat telah dibawa melawat Pusat MyCyber Komuniti@Sabah yang terletak di Aras 1, Tamparuli Point. Beliau telah menandatangani plak perasmian sebagai simbol pembukaan rasmi Pusat MyCyber Komuniti@Sabah serta serah milik premis tersebut kepada Koperasi Tokou Berhad.

YB Menteri turut mendengar taklimat daripada CyberSecurity Malaysia mengenai perisian komputer yang disediakan di Makmal Latihan, MyCyber

“ Pusat ini dibina bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat agar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT). Ia sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam memperkasa pembangunan digital luar bandar agar rakyat dapat menikmati kemudahan prasarana digital selari dengan perkembangan arus teknologi masa kini serta berupaya merapatkan jurang digital. ”

- YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau

Komuniti@Sabah sebelum sesi sidang media.

Pusat MyCyber Komuniti dibangunkan oleh CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Koperasi Tokou Sabah Berhad. Ia merupakan pusat sehenti bagi penyebaran ilmu dan maklumat mengenai penggunaan komputer dan internet secara positif, di samping merapatkan jurang digital penduduk daerah Tamparuli. Pusat tersebut dibina di bawah pembiayaan dana Program Inovasi Sosial MOSTI atau MOSTI Social Innovation Program (MSI).

Selain meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat agar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT), pusat ini juga akan digunakan oleh agensi serta jabatan dari pelbagai Kementerian bagi penganjuran program serta aktiviti berkaitan ICT dan keselamatan siber yang melibatkan masyarakat di daerah Tamparuli dan sekitarnya.

Ia dilengkapi kemudahan ICT dengan peralatan komputer serta akses internet, percetakan digital dan mesin pengimbas. Prasarana ICT yang terdapat di pusat ini akan memudahkan masyarakat setempat melakukan aktiviti dalam talian seperti perbankan online serta transaksi online termasuk pembelian dalam talian, pembayaran bil serta utiliti. Pusat MyCyber Komuniti@

Sabah beroperasi bermula dari jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang.

Penglibatan CyberSecurity Malaysia dalam pembangunan pusat ini serta pengisian program CyberSAFE telah membolehkan agensi di bawah MOSTI berkongsi informasi dan memberi pendedahan kepada pelajar, ibubapa dan komuniti setempat mengenai keselamatan teknologi maklumat sama ada melalui Pameran Interaktif atau program-program di bawah CyberSAFE.

Melalui perkongsian maklumat sebegini, ianya dapat memupuk kesedaran dan membantu masyarakat memahami kepentingan keselamatan siber.



Penduduk Tuaran turut sama menjayakan kempen MyViralVow yang menggalakkan masyarakat menyebarkan maklumat secara beretika



Menerapkan Pemikiran Saintifik Dari Awal Pembelajaran

IBSE ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran sains melalui pendekatan inkuiri. Secara amnya, inkuiri bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat sesuatu fenomena yang berlaku di sekeliling. Melalui aktiviti seperti eksperimen dan kerja berkumpulan, IBSE menekankan murid memahami perkara yang dipelajari dan bukan setakat menghafal maklumat sahaja.

Kerajaan Malaysia berhasrat untuk mencapai nisbah pelajar aliran sains kepada bukan sains sebanyak 60:40 menjelang tahun 2020. Nisbah ini akan menggalak menghasilkan bakat sains, teknologi dan inovasi (STI) yang mencukupi untuk menjadikan Malaysia negara penghasil teknologi dan menjana kekayaan melalui inovasi berkualiti.

Namun, sasaran ini tidak tercapai sejak ia diletakkan pada tahun 1967. Nisbah pada tahun 2015 pula hanya menunjukkan 21:79. Minat pelajar untuk mempelajari aliran sains juga berkurangan kerana subjek sains dilihat sukar untuk difahami dan tidak menyeronokkan. Hal ini banyak berkait dengan cara pengajaran dan pembelajaran subjek tersebut dalam kelas di mana guru terlalu berpandukan buku teks untuk mengajar, dan murid pula lebih gemar menghafal fakta dari memahami sains yang dipelajari.

Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE)

Menyedari perkara ini, MOSTI melalui Akademi Sains Malaysia (ASM) telah melaksanakan Projek Rintis Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) pada tahun 2012 dan 2013. Objektif projek rintis ini adalah untuk melihat kebolehlaksanaan IBSE serta menilai sejauh

manakah ianya dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Sains di sekolah rendah, dan seterusnya meningkatkan prestasi pencapaian mata pelajaran Sains.

IBSE ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran sains melalui pendekatan inkuiri. Secara amnya, inkuiri bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat sesuatu fenomena yang berlaku di sekeliling. Melalui aktiviti seperti eksperimen dan kerja berkumpulan, IBSE menekankan murid memahami perkara yang dipelajari dan bukan setakat menghafal maklumat sahaja.

4 Fasa Dalam Strategi IBSE ‘La Main a la Pate’

1. Persoalan

Memulakan kelas dengan peristiwa yang boleh menggalakkan murid bertanya, sehingga murid mampu memberi persoalan atau inkuiri. Daripada inkuiri ini, guru boleh memanipulasi murid untuk berfikir dan mencari penyelesaian kepada persoalan mereka tadi.

2. Hipotesis

Selepas memilih persoalan murid yang ingin diselidik, guru memainkan peranan untuk menggalakkan murid membina hipotesis.

3. Siasatan

Sesudah murid mula mendapat idea melalui persoalan mereka, mereka seterusnya perlu fikirkan penyelesaian terbaik untuk menyiasat perkara tersebut eksperimen dan ujikaji terhadap hipotesis tadi.

4. Komunikasi

Fasa akhir ini menggalakkan murid untuk berkomunikasi, menyampaikan ilmu kepada rakan kelas dengan cara yang tersendiri dan kreatif. Proses ini penting kerana memberi petunjuk tahap kefahaman murid kepada subjek tersebut.



YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau memerhati murid-murid mengaplikasikan sistem IBSE dalam pembelajaran sains di sekolah

Melalui perlaksanaan projek rintis IBSE ini, 20 orang guru sains dari 4 buah sekolah di Daerah Hulu Langat telah dilatih sekurang-kurangnya 60 jam bagi memastikan mereka faham sepenuhnya kaedah IBSE.

Hasil dari latihan ini, guru-guru menjadi lebih kreatif dan berkeyakinan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas terutamanya untuk subjek sains tanpa perlu mengubah silibus mata pelajaran. Seterusnya, guru-guru dilatih melaksanakan kaedah IBSE di sekolah kepada seramai 346 orang murid.



Sistem IBSE membolehkan murid-murid belajar dalam keadaan yang riang dan menyeronokkan



YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau dimaklumkan bahawa pencapaian murid-murid IBSE adalah lebih tinggi iaitu 73% berbanding 65% bagi murid-murid bukan IBSE

Keberkesanan pendekatan IBSE ini terbukti dengan pencapaian murid-murid yang mengikuti kaedah IBSE lebih cemerlang berbanding mereka yang tidak terlibat dalam projek ini. Keputusan jelas menunjukkan sebanyak 27% murid-murid IBSE telah mencatat keputusan A dalam UPSR pada tahun 2014 berbanding hanya 5% murid-murid yang tidak terlibat.

IBSE di Tuaran

Bagi program Duta Sains di Tuaran, Sabah, aktiviti yang telah dikenal pasti ialah IBSE bagi meningkatkan literasi sains di kalangan komuniti. Secara keseluruhan, program ini disasarkan kepada komuniti Tuaran dan secara spesifiknya melibatkan guru sains sekolah rendah terpilih di Tuaran.

Seramai 40 orang guru sains dari 24 buah sekolah rendah sekitar Tuaran telah dipilih oleh Ahli Parlimen Tuaran yang juga merupakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Kesemuanya terpilih perlukan menjalani latihan IBSE selama 60 jam keseluruhan bagi memantapkan pemahaman IBSE sebelum pelaksanaan.

Bengkel Pertama IBSE telah dijalankan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tuaran pada 14 – 16 Mac 2016 yang memberi pengenalan kepada IBSE dan model yang digunakan.

Bengkel IBSE Kedua pula telah dijalankan pada 7 – 11 November 2016 di The Klagan Regency, Kota Kinabalu. Bengkel ini turut dihadiri dan diselia oleh Professor Yves Quere, Pengurus Yayasan La Main a La Pate di Perancis.

Semasa bengkel, Professor Yves Quere turut berkata dalam ucapan beliau: "Memupuk rasa ingin tahu dalam kalangan kanak-kanak boleh ditingkatkan melalui pembentukan fikiran saintifik di usia muda. IBSE boleh

dijelaskan dengan empat perkataan iaitu ingin tahu, imaginasi, pertimbangan, dan berfikir terbuka".

Maklum balas dari guru terlibat adalah positif dan mereka telah mula mengaplikasikan kaedah IBSE ini di dalam kelas. Pihak PPD Tuaran juga akan turut membantu proses pemantauan bagi memastikan kaedah IBSE digunakan dan dilaksanakan oleh guru-guru terlibat di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran masing-masing.



Antara 40 orang anggota masyarakat Tuaran yang terpilih menyertai latihan IBSE mendapat sijil penyertaan mereka di The Klagan Regency pada 7 November 2016

Tisu Kultur Tumbuhan; Dari Makmal Ke Komuniti



Teknik kultur tisu tumbuhan yang kian popular masa kini sebenarnya melalui proses yang mudah. Tumbuhan dari baka yang baik akan dipilih dan dijadikan sebagai induk bagi memulakan proses tisu kultur ini. Bahagian dari induk seperti pucuk, daun, batang, biji benih, biji daripada buah boleh digunakan sebagai tisu permulaan. Kemudian bahagian ini akan melalui proses pensterilan poermukaan bagi memastikan tisu yang digunakan bebas dari kotoran, bakteria dan fungus. Terakhir, bahagian yang telah disteril permukaannya akan terus dikultur di dalam medium kultur bernutrien bagi membolehkan proses tumbesaran dalam keadaan steril dan bebas dari jangkitan penyakit.

Mempertakaan tentang bioteknologi, ianya bukanlah lagi sesuatu yang belum diketahui umum. Namun begitu, kesedaran masyarakat tentang bidang bioteknologi ini masih lemah. Oleh yang demikian, usaha untuk terus memantapkan kesedaran masyarakat terhadap aplikasi bioteknologi ini secara meluas haruslah dilakukan secara mampan dan berkesan.

Bioteknologi moden secara am mempunyai pengaruh kuat terutamanya dalam bidang pertanian. Teknologi pertanian memainkan peranan penting dalam membantu para petani meningkatkan hasil tanaman mereka dan memastikan hasil tanaman yang lebih baik. Anak benih tanaman yang berkualiti iaitu sihat, bebas penyakit, menghasilkan buah yang baik/banyak, cepat membesar dan sekata merupakan faktor penting dalam industri pertanian.

Tisu kultur tumbuhan merupakan salah satu teknik penghasilan anak benih yang memenuhi keperluan permintaan industri pertanian yang kini semakin mendapat perhatian. Pendedahan masyarakat kepada teknik tisu kultur ini berpotensi untuk memajukan dan memodenisasi bidang pertanian di Malaysia.

Evolusi dalam bidang pertanian memperlihatkan teknik tisu kultur ini diaplikasi untuk penghasilan anak pokok pisang, nenas dan orkid. Aplikasi tisu kultur ini dapat dilihat secara ketara dan paling bermanfaat untuk industri peranaman orkid. Tanpa teknik kultur tisu, anak-anak orkid sukar dihasilkan atau memakan masa yang

terlalu lama untuk dibiakkan secara konvensional sekali gus tidak dapat menampung permintaan pasaran.

Masalah kekurangan bekalan anak benih pokok pisang pula menjadi titik tolak pengusaha untuk mencari alternatif lain iaitu tisu kultur bagi penghasilan anak benih pokok pisang secara komersial. Bekalan anak benih pisang dari kaedah tisu kultur adalah bebas dari sebarang penyakit. Antara pengusaha tanaman tisu kultur ini adalah MARDI, Hexagon Green Sdn. Bhd, UPM, Melaka Biotech Corp dan banyak lagi.

Teknik kultur tisu tumbuhan yang kian popular masa kini sebenarnya melalui proses yang mudah. Tumbuhan dari baka yang baik akan dipilih dan dijadikan sebagai induk bagi memulakan proses tisu kultur ini. Bahagian dari induk seperti pucuk, daun, batang, biji benih, biji daripada buah boleh digunakan sebagai tisu permulaan. Kemudian bahagian ini akan melalui proses pensterilan poermukaan bagi memastikan tisu yang digunakan bebas dari kotoran, bakteria dan fungus. Terakhir, bahagian yang telah disteril permukaannya akan terus dikultur di dalam medium kultur bernutrien bagi membolehkan proses tumbesaran dalam keadaan steril dan bebas dari jangkitan penyakit.

Teknik penghasilan anak benih daripada tisu tumbuhan menggunakan teknik tisu kultur ini mampu menghasilkan klon pokok asalnya dengan jumlah yang banyak dan masa yang lebih singkat. Teknik tisu kultur ini dapat membantu mempercepatkan pertumbuhan

pokok yang mempunyai tempoh juevenil (muda) yang panjang.

Selain itu, teknik tisu kultur ini juga turut digunakan untuk tumbuhan yang susah dibiak secara konvensional. Kebimbangan petani dengan ancaman persekitaran seperti peningkatan suhu yang ekstrem, pH tanah yang tidak sesuai dan bencana alam seperti banjir dan kemarau yang menyebabkan anak benih mati juga boleh diatasi dengan adanya teknik tisu kultur ini.

Penghasilan anak benih ini lebih berkualiti tinggi kerana pembesaran anak benih adalah dalam kondisi yang terkawal dan dikultur dalam keadaan steril. Ini secara tidak langsung dapat menghasilkan anak-anak benih baru yang bebas dari penyakit. Bagi memastikan kelestarian biodiversiti ini agar terus wujud di masa akan datang, tumbuhan yang diancam kepupusan atau susah ditemui juga boleh dikultur menggunakan teknik tisu kultur ini.

Menyedari potensi besar yang wujud melalui bidang bioteknologi khususnya teknik tisu kultur untuk merevolusi agenda pertanian negara, National Institute of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merancang satu program iaitu Bio@Community di Tuaran, Sabah bertujuan untuk memberi pendedahan secara praktikal kepada komuniti tentang potensi industri bioteknologi khususnya tisu kultur tumbuhan. Tambahan lagi, program tisu kultur ini juga bertujuan untuk merangsang pertumbuhan

ekonomi dalam bidang pertanian melalui pendekatan bioteknologi tumbuhan.

Program ini juga akan mewujudkan rangkaian penyelidikan yang berterusan dari makmal ke lapangan dengan adanya perkongsian dan pemindahan kemahiran kepada masyarakat.

Bio@Community ini direncana akan menemui 60 orang peserta yang terdiri daripada komuniti Tuaran. Komuniti ini akan diberi pencerahan secara teori serba sedikit berkaitan latarbelakang dan teknik tisu kultur. Komuniti ini seterusnya akan didedahkan dengan kemahiran untuk mengendalikan sendiri tisu kultur dari pelbagai jenis tumbuhan dan bahagian tisu yang berlainan. Komuniti yang terlibat turut berpeluang untuk mencuba dan mempraktikkan sendiri teknik tisu kultur yang telah diubahsuai agar lebih mesra masyarakat.

Memetik dari artikel utusan yang bertarikh 24 Mei 2010 bertajuk "Potensi Industri Bioteknologi" menyatakan bahawa industri bioteknologi ini sudah mula memasuki



fasa komersial, namun begitu masih terdapat banyak ruang dan potensi yang boleh diterokai. Paling utama adalah penerimaan dan penglibatan masyarakat terhadap bidang ini serta sejauh mana masyarakat mampu memanfaatkan potensinya. Justeru itu, penganjuran program seumpama ini

dapat mewujudkan satu platform penyaluran informasi dari makmal ke komuniti bagi bidang bioteknologi tumbuhan. Sokongan padu dari kerajaan dalam bidang bioteknologi ini juga memberi impak besar kepada pertumbuhan pertanian Negara.

iComm Realisasikan Tuaran Sebagai Bandar Pintar

Komuniti pintar merupakan usaha memperkasakan sesebuah komuniti, terutamanya di bandar kecil dan luar bandar, supaya komuniti ini dapat sama-sama menikmati hasil pembangunan dan kemakmuran negara. Komuniti pintar bukan sahaja menampilkan ciri-ciri seperti cekap, moden, selamat, bersih, mapan dan sebagainya; tetapi merangkumi wawasan, semangat setia kawan, kerja berpasukan selain daripada penerimagaunaan produk, perkhidmatan dan proses berinovasi. Paling penting, kesemua inovasi ini akan disesuaikan mengikut keperluan semasa serta tradisi dan adat resam penduduk setempat.

Keselamatan dan ketenteraman awam serta kesejahteraan penduduk setempat merupakan suatu keutamaan penting dalam agenda transformasi nasional, dan usaha berterusan ke arah ini diterajui pelbagai agensi kerajaan serta disokong banyak pertubuhan di negara ini.

Sebagai pusat R&D negara dan agensi strategik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MIMOS menerajui penggunaan sains dan teknologi termaju ke arah memperkasakan pengurangan jenayah dan keselamatan awam, yang merupakan salah satu daripada bidang keberhasilan utama negara (NKRA).

Di Tuaran, matlamat MIMOS adalah untuk menghasilkan penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dapat membantu pihak berkuasa tempatan menyampaikan khidmat dengan lebih berkesan, termasuk menyediakan infrastruktur yang membolehkan penduduk, ketua komuniti dan pihak berkuasa saling berkomunikasi serta menggunakan aplikasi pintar menerusi komputer dan telefon pintar dalam kehidupan seharian.

Usaha ini sudah menampakkan hasil memberangsangkan, dilihat dari perubahan sikap penduduk dan pengunjung semenjak mengetahui kehadiran "mata-mata" yang mengawasi aktiviti mereka di setiap ketika. Projek Komuniti Pintar (iComm) Tuaran merupakan kelangsungan inisiatif Kerajaan Pusat dalam menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Ciri-ciri komuniti pintar

Komuniti pintar merupakan usaha memperkasakan sesebuah komuniti, terutamanya di bandar kecil dan luar bandar, supaya komuniti ini dapat sama-sama menikmati hasil pembangunan dan kemakmuran negara. Komuniti pintar bukan sahaja menampilkan ciri-ciri seperti cekap, moden, selamat, bersih, mapan dan sebagainya; tetapi merangkumi wawasan, semangat setia kawan, kerja berpasukan selain daripada penerimagaunaan produk, perkhidmatan dan proses berinovasi. Paling penting, kesemua inovasi ini akan disesuaikan

mengikut keperluan semasa serta tradisi dan adat resam penduduk setempat.

Sebuah komuniti pintar dapat membantu memenuhi keperluan sedia ada penduduknya selain dapat menangani cabaran serta aliran semasa, dan bersedia untuk menghadapi cabaran mendatang. Sebuah komuniti pintar juga akan sentiasa dinilai, dan ditambah baik dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan masa depan yang lebih mencabar.

Sebuah komuniti pintar dapat membina upaya, memperkaya dan mempertingkat taraf kehidupan penduduk dan pengunjungnya, sekali gus menyumbang kepada ekonomi digital, yang merupakan sasaran dunia hari ini.

Tuaran sebagai bandar pintar

Projek perintis iComm telah dilancarkan di Kampung Padang Rumbia, Pekan, Pahang pada Januari 2016. Sejak projek tersebut dilancarkan, impak positif telah dapat dilihat di kampung tersebut, di mana keselamatan kampung telah dapat dipertingkat, paras air sungai dapat dipantau dengan lebih berkesan, dan ketua-ketua komuniti dapat saling berhubung dengan lebih mudah. Paling ketara, pelajar dan golongan muda cukup gembira dengan kemudahan Internet percuma yang membolehkan mereka berkomunikasi dan meneroka ilmu pengetahuan baharu setiap hari.

Pada masa yang sama, projek ini membuktikan bahawa potensi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) tidak terbatas kepada peningkatan taraf kehidupan seharian. Kemudahan yang terhasil daripada ilmu dan penyelidikan STI pada sudut pandang yang lebih luas dapat membantu memberikan motivasi, semangat dan kekuatan kepada komuniti setempat dalam menghadapi cabaran-cabaran baharu hari ini.

Sempena Karnival STI Tuaran 2017, MOSTI bersama Kerajaan Negeri Sabah meneruskan langkah dalam inisiatif yang serupa. Jika



Sebuah projek MOSTI SOCIAL INNOVATION
iComm Tuaran
Diinovasikan oleh MIMOS



YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau sewaktu turun padang menyaksikan sendiri kerja-kerja pemasangan komponen iComm di Pekan Kiulu



Sistem iComm dipasang di 12 lokasi strategic di sekitar Tuaran, termasuk di jalan-jalan utama dan sekolah.



Projek perintis iComm telah berlangsung pada 23 Januari 2016 di Pekan Pahang dan dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia

Kampung Padang Rumbia merupakan desa pertama yang menerima kemudahan komuniti pintar, Tuaran pula menjadi bandar pertama dalam negara yang akan menikmati pembangunan ini. Ini sejajar dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang mahukan iComm diperluaskan di kawasan-kawasan lain di seluruh negara.

iComm Tuaran merangkumi pemasangan kamera pemantau 24 jam di 12 lokasi strategik, aplikasi sistem komunikasi komuniti, kemudahan WiFi percuma dan penderia pintar (smart sensors) untuk mengesan paras pencemaran udara.

Kesemua penyelesaian teknologi yang ditampilkan melalui iComm akan menambah baik taraf kehidupan penduduk kawasan ini dari pelbagai aspek seperti keselamatan awam, komunikasi, ekonomi, pendidikan dan alam sekitar. Melalui kamera 24 jam, pihak Majlis Daerah dan pihak berkuasa lain, malah penduduk sendiri akan dapat memantau keselamatan penduduk dan kawasan dengan lebih mudah dan cekap.

Begini juga apabila negara dilanda jerebu, di mana Tuaran juga tidak terlepas daripada terkena tempiasnya. Melalui iComm, penduduk akan sentiasa mendapat maklumat tepat tentang kualiti udara dan mendapat pengumuman atau pemberitahuan berkaitan supaya mereka lebih bersedia.

Seterusnya, penggunaan ICT yang diserapkan dalam kehidupan seharian akan dapat memberdayakan warga Tuaran, dan prasarana ini bolehlah dilihat sebagai pemangkin ekonomi mikro bagi komuniti setempat. Melalui iComm, para pelawat, pelancong dan pedagang yang datang ke Tuaran boleh mendapatkan maklumat tentang aktiviti-aktiviti di kawasan ini dengan lebih mudah dan interaktif.

Lama-kelamaan, Tuaran akan menjadi bertambah cekap dalam menggunakan ICT dalam mentransformasikan kehidupan harian. Dari sebuah

bandar yang sederhana besar, Tuaran akan dapat menawarkan kehidupan moden berkualiti tinggi, kaya maklumat, dan produktif; yang setanding jika tidak lebih baik daripada komuniti pintar di negara maju.

iComm juga akan mempertingkat minat dan pencapaian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), seterusnya menjadi pemangkin dalam mentransformasi Tuaran sebagai pusat kecemerlangan Sains, Teknologi dan Inovasi di Sabah

dan akhirnya menyumbang ke arah ekonomi digital seperti yang diharapkan dalam agenda transformasi negara.

Ringkasnya, iComm akan membantu Kerajaan memikul tanggungjawab dan menyampaikan khidmat kepada rakyat dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama, iComm menyediakan asas kepada rakyat dalam menghadapi kemaraan dan cabaran revolusi industri yang semakin ketara kemunculannya di seluruh dunia.



“Jom muat naik iComm Tuaran”



iComm Tuaran

Langkah-langkah untuk memuat turun aplikasi iComm



Langkah 1
Sentuh butang **Aplikasi** untuk Aturcara



Langkah 2
Sentuh butang **Aturcara** untuk aktifkan Wi-Fi



Langkah 3
Sentuh butang **Wi-Fi** untuk aktifkan Wi-Fi



Langkah 4
Leret butang kanan untuk **Hidupkan Wi-Fi**



Langkah 5
Pilih **MOSTI_iComm**



Langkah 6
Sentuh **Sambung** untuk meneruskan capaian Wi-Fi



Langkah 7
Sentuh butang **Masuk**



Langkah 8
Sila layari icom.mimos.my untuk muat turun aplikasi iComm*

*Sesuai dengan pelayar Internet Explorer atau Chrome
**Pemasangan aplikasi ini lebih sesuai dengan Android versi 6 & ke atas dengan ruang storan minimum 30MB

Dinovakasi oleh
National R&D Centre in ICT
MIMOS